


TEMA 7

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN



SILA TONTON VIDEO DI ATAS UNTUK MEMPELAJARI TENTANG KATA HUBUNG



Kata Hubung



Info Bahasa

Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua ayat atau lebih seperti **dan**, **hingga**, **yang**, **kerana**.



Aktiviti Menggunakan kata hubung berdasarkan teks.

Pokok Tin

Encik Salim **dan** Hanif ke tapak semaian pokok tin Encik Linton.

Encik Linton mempunyai ladang pokok tin **yang** luas.

Beliau seorang usahawan yang berjaya **kerana** bijak mencari peluang memasarkan tanamannya.

Encik Salim ke tapak semaian pokok tin Encik Linton.

Hanif ke tapak semaian pokok tin Encik Linton.

Encik Linton mempunyai ladang pokok tin.
Ladang pokok tin itu luas.

Beliau seorang usahawan yang berjaya.

Beliau bijak mencari peluang memasarkan tanamannya.

Pada tahun 2014 _____ tahun 2015, Encik Linton telah berjaya menjual 200 anak benih pokok tin. Pada tahun 2016, permintaan telah meningkat. Jumlah anak benih pokok tin _____ telah dijual adalah sebanyak 320 pokok. Permintaan anak pokok tin Encik Linton terus meningkat _____ ramai petani telah sedar akan keuntungan menanam pokok tin.



dan

yang

kerana